

07/03/1998

Boleh tanding di Kubang Kerian

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno membenarkan jawatan Ketua Umno Bahagian Kubang Kerian dipertandingkan dalam mesyuarat pemilihan kali ini, kata Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik.

Ini berikutan kekosongan jawatan itu selepas ketuanya, Mat Zin Awang, melepaskan jawatan dan dilucutkan haknya untuk bertanding sebarang jawatan dalam parti oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

Jawatan Ketua Umno bahagian itu sekarang dipangku oleh timbalannya, Tuan Hashim Tuan Yaakob.

Bagaimanapun, katanya, jawatan ketua Umno di semua 13 bahagian lain di Kelantan tidak dipertandingkan.

"Ini bermakna, keputusan arahan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tiada pertandingan bagi jawatan ketua Umno di Kelantan masih kekal," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Persatuan Pengembaraan dan Pelancongan Bumiputera (Bumitra Malaysia) di sebuah hotel, di sini, hari ini.

Sabbaruddin diminta mengulas mengenai kedudukan Umno bahagian Kubang Kerian, berikutan tindakan disiplin yang diambil oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti terhadap ketua bahagian itu, Mat Zin Awang.

Mat Zin melepaskan jawatan itu dan dilucutkan hak untuk bertanding sebarang jawatan dalam parti kerana didakwa menafikan hak keahlian Umno bahagian itu.

Semalam, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata beliau akan merujuk kepada Dr Mahathir berhubung Umno bahagian itu, termasuk memastikan kedudukan jawatan ketua bahagiannya.

Ditanya mengenai pertandingan merebut jawatan lain di peringkat Pemuda dan Wanita dalam bahagian Umno di Kelantan, beliau berkata ia akan berjalan seperti biasa.

"Mengikut keputusan MT, semua ketua Umno bahagian di negeri ini kekal, kecuali Gua Musang apabila jawatan itu diserahkan kepada bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah.

"Manakala jawatan timbalan ketua bahagian yang tidak dipertandingkan ialah di Peringat (Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir) dan di Gua Musang (Saufi Deraman)," katanya.

Menurutnya, semua ahli Umno mesti patuh kepada Perlembagaan parti berdasarkan fasal 8 (16) yang membolehkan MT membuat peraturan untuk kebaikan parti.

Mengenai ada pemimpin Umno yang disiasat di Kelantan, Sabbaruddin berkata, siasatan itu masih berjalan.

(END)